



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, DISEMBER DAN SUKU TAHUN KEEMPAT 2021

Tenaga buruh semakin baik pada Disember 2021, mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah pada 4.2 peratus dengan 687.6 ribu orang penganggur manakala guna tenaga terus meningkat

PUTRAJAYA, 08 Februari 2022 – Tenaga buruh semakin baik pada Disember 2021, mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah pada 4.2 peratus dengan 687.6 ribu penganggur manakala guna tenaga terus meningkat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Disember dan Suku Tahun Keempat 2021. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Pandemik COVID-19 yang melanda ekonomi global bagi tahun kedua berturut-turut telah menghalang pemulihan pasaran buruh secara penuh dan seimbang. Sepanjang tahun 2021, pasaran buruh Malaysia kekal dalam situasi yang mencabar berikutan krisis kesihatan yang berpanjangan. Bagi menangani situasi ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk memastikan kesihatan awam dilindungi dan seterusnya membolehkan ekonomi negara dibuka semula secara berperingkat melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang merangkumi empat fasa pelaksanaan. Menjelang akhir tahun 2021, kebanyakan negeri telah berada dalam Fasa 4 PPN yang membenarkan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial beroperasi seperti biasa dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP), justeru mendorong kedudukan tenaga buruh untuk pulih secara sederhana. Hal ini telah memacu guna tenaga untuk terus mengalami pertumbuhan yang lebih baik pada Disember 2021 sementara pengangguran terus menurun."

Selanjutnya, Ketua Perangkawan berkata, "Pada Disember 2021, penduduk bekerja terus meningkat, dengan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan kepada 15.65 juta orang (November 2021: 15.61 juta orang). Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga mencatatkan sedikit peningkatan kepada 66.1 peratus (November 2021: 66.0%). Sementara itu, bilangan penganggur terus menurun sebanyak 1.0 peratus kepada 687.6 ribu orang (November 2021: 694.4 ribu orang) merekodkan kadar pengangguran Disember yang lebih rendah pada 4.2 peratus (November 2021: 4.3%). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat kepada 69.0 peratus

(November 2021: 68.9 %), iaitu KPTB tertinggi yang direkodkan sejak Januari 2020, dengan bilangan tenaga buruh pada Disember 2021 meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada 16.34 juta orang (November 2021: 16.30 juta orang). Situasi ini memberi isyarat bahawa orang ramai semakin optimis terhadap pasaran buruh, sekali gus mendorong mereka untuk mencari pekerjaan.”

Dari segi sektor ekonomi, guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan kekal tinggi bagi bulan keenam terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan dan Pembinaan juga merekodkan pertumbuhan positif bagi lima bulan berturut-turut manakala guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian terus menurun sejak Ogos 2020.

Dari segi taraf pekerjaan, kategori pekerja yang merangkumi 76.8 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, meningkat sebanyak 0.1 peratus mencatatkan 12.02 juta orang (November 2021: 12.0 juta orang). Begitu juga, kategori penduduk bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai; serta pekebun kecil, terus mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus kepada 2.64 juta orang (November 2021: 2.63 juta orang). Bulan Disember 2021 juga menyaksikan bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu mencatatkan pertambahan sebanyak 12.9 peratus kepada 126.7 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (November 2021: 112.2 ribu orang). Peningkatan ini disebabkan oleh bencana banjir yang melanda kawasan tengah dan pantai timur negara pada pertengahan bulan tersebut.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada Disember 2021, beliau berkata, “Mengikut kategori pengangguran, penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan merangkumi 83.8 peratus daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus kepada 576.5 ribu orang (November 2021: 581.8 ribu orang). Penganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 55.9 peratus manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah 7.6 peratus. Bagi mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia yang dikategorikan sebagai penganggur tidak aktif, merekodkan penurunan sebanyak 1.3 peratus kepada 111.1 ribu orang (November 2021: 112.6 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun tidak berubah pada kadar 13.7 peratus. Namun begitu, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun terus meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 8.5 peratus berbanding 8.2 peratus yang dicatatkan pada November 2021.”

Mengulas lanjut prestasi keseluruhan bagi suku tahun keempat 2021, Ketua Perangkawan berkata, “Tenaga buruh bertambah baik secara beransur-ansur dengan peningkatan 0.7 peratus suku ke suku kepada 16.14 juta orang merekodkan KPTB

yang lebih tinggi pada 68.7 peratus (ST3 2021: 68.3%). Bagi guna tenaga pada suku tersebut, bilangannya meningkat 1.1 peratus kepada 15.44 juta orang (ST3 2021: 15.27 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur berkurang kepada paras di bawah 700 ribu orang pada suku ini dengan penurunan sebanyak 6.9 peratus kepada 694.4 ribu orang (ST3 2021: 746.2 ribu orang) mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 4.3 peratus berbanding 4.7 peratus pada ST3 2021."

Selain itu, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Dengan pengoperasian aktiviti perniagaan yang berterusan pada suku tersebut telah menyebabkan bilangan orang yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu menurun sebanyak 15.2 peratus kepada 393.8 ribu orang (ST3 2021: 464.6 ribu orang). Oleh itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau mereka yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu dan sanggup untuk menerima tambahan jam bekerja menurun sebanyak 10.1 peratus kepada 293.1 ribu orang, mencatatkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa sebanyak 1.9 peratus (ST3 2021: 326.2 ribu orang; 2.1%). Begitu juga, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merangkumi mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, berkurang sebanyak 1.9 peratus kepada 1.84 juta orang merekodkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran sebanyak 37.5 peratus (ST3 2021: 1.87 juta orang; 37.7%).

Melihat kepada kedudukan pengangguran mengikut negeri, sebelas negeri merekodkan penurunan dalam kadar pengangguran pada suku tersebut. Kadar pengangguran terendah direkodkan oleh W.P. Putrajaya (1.6%), diikuti oleh Selangor (2.9%), Melaka (3.1%), Negeri Sembilan (3.1%) dan Pulau Pinang (3.2%). Sebaliknya, sebelas negeri merekodkan peningkatan dalam KPTB yang menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. KPTB tertinggi dicatatkan oleh W.P. Kuala Lumpur (74.7%), Selangor (74.1%), Pulau Pinang (72.1%), W.P. Putrajaya (70.9%) dan Sarawak (70.5%).

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan tahun 2021, beliau berkata, "Pada tahun 2021, berdasarkan data purata bulanan, KPTB pada tahun tersebut meningkat 0.2 mata peratus kepada 68.6 peratus berbanding 68.4 peratus pada tahun 2020. Bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus kepada 15.4 juta orang (2020: 15.0 juta orang). Peningkatan guna tenaga adalah disebabkan oleh bilangan penduduk bekerja yang rendah pada tahun 2020. Selain itu, pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial menjelang separuh tahun kedua tahun tersebut juga turut menyumbang kepada pertumbuhan dalam guna tenaga. Selain itu, usaha

melawan pandemik terus berpanjangan dalam tahun 2021. Justeru, menyebabkan pasaran buruh kekal dalam situasi yang mencabar, sekali gus mempengaruhi bilangan penganggur untuk terus meningkat bagi tahun kedua kepada 741.4 ribu orang (2020: 711.0 ribu orang). Justeru, kadar pengangguran pada tahun 2021 naik kepada 4.6 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2020 yang mana kadar pengangguran tertinggi sejak tahun 1993 (4.1%). Data muktamad bagi tahun 2021 akan diterbitkan pada April 2022.”

Merumuskan keseluruhan kedudukan tenaga buruh, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Di Malaysia, kesan daripada pandemik ini menyebabkan pemulihan ekonomi sedikit terganggu dan ia juga turut menjelaskan pemulihan semula keseluruhan pasaran buruh memandangkan pemulihannya berkadar terus dengan prestasi ekonomi. Dengan semua negeri berada dalam Fasa 4 PPN bermula Januari 2022 telah membolehkan aktiviti perniagaan dan sosial beroperasi pada kapasiti penuh. Tambahan pula, pembukaan sesi persekolahan pada 9 Januari 2022 dijangka memberi lebih banyak impak positif terhadap aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan. Lebih banyak aktiviti perjalanan di dalam dan luar negara juga dilihat pada bulan tersebut. Perkembangan positif ini memberi isyarat bahawa pasaran buruh dijangka akan terus bertambah baik pada bulan-bulan yang akan datang, namun tidak mengambil kira cabaran varian baharu dan lebih berbahaya."


Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 08 Februari 2022

Carta 1: Penganggur, Malaysia, 1982 - 2021^p




Carta 2: Pengangguran, Malaysia, ST1 2018 - ST4 2021 dan Januari 2020 - Disember 2021




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 08 Februari 2022

Carta 3: Bekerja kurang dari 30 jam, ST1 2020 - ST4 2021




$$\text{Kadar penduduk bekerja kurang dari 30 jam} = \frac{\text{Bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$

Carta 4: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2020 - ST4 2021



$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$

Carta 5: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2020 - ST4 2021



$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran}}{\text{Bilangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar}}$$

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
08 FEBRUARI 2022**



MEDIA STATEMENT
STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA,
DECEMBER AND FOURTH QUARTER OF 2021

Labour force in December 2021 on the mend, registering lower unemployment rate at 4.2 per cent with 687.6 thousand unemployed persons while employment increased further

PUTRAJAYA, 08 February 2022 – Labour force in December 2021 on the mend, registering lower unemployment rate at 4.2 per cent with 687.6 thousand unemployed persons while employment increased further, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on Statistics of Labour Force, Malaysia, December and the Fourth Quarter of 2021. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, “For the second year in a row, the COVID-19 pandemic engulfed the global economy, hindering a full and balanced recovery of the labour market. Throughout 2021, Malaysia’s labour market remained in a challenging situation due to the prolonged health crisis. To overcome this, several initiatives were implemented to ensure that public health is protected and subsequently enabling the country’s economy to reopen in stages through the National Recovery Plan (NRP) which includes four phases of implementation. Towards the end of 2021, most states were in Phase 4 of the NRP which allowed more economic and social sectors operating as usual with compliance to standard operating procedures (SOPs), hence leading the labour force situation to recover modestly. This has steered the healthy growth of employment to continue in December 2021 while unemployment further decreased.”

Adding to this, the Chief Statistician said, “In December 2021, employed persons remained upward, with a marginal increase of 0.2 per cent month-on-month to 15.65 million persons (November 2021: 15.61 million persons). The employment-to-population ratio which indicates the ability of an economy to create employment recorded a slight increase to 66.1 per cent (November 2021: 66.0%). In the meantime, the number of unemployed persons continued to decrease by 1.0 per cent to 687.6 thousand persons (November 2021: 694.4 thousand persons) recording a lower December’s unemployment rate at 4.2 per cent (November 2021: 4.3%). Therefore, the labour force participation rate (LFPR) went up to 69.0 per cent (November 2021: 68.9%), the highest LFPR recorded since January 2020, with the number of labour force in December 2021 rose by 0.2 per cent to 16.34 million persons (November 2021: 16.30 million persons). This situation signalled the people’s

optimism towards the labour market, thus prompted them to search for jobs.”

From the view of the economic sector, employment in Services sector remained high for the sixth month mainly in Wholesale and retail trade; Food & beverages services; and Information & communication activities. Manufacturing and Construction sectors also recorded a positive growth for five consecutive months whereas employment in Agriculture and Mining & quarrying sectors continued to decline since August 2020.

By status in employment, the employees' category which comprised of 76.8 per cent of the total employed persons, edged up by 0.1 per cent to register 12.02 million persons (November 2021: 12.0 million persons). Similarly, the own-account workers category which consists mostly of daily income earners working as small business operators such as retailers; hawkers; sellers in markets and stalls; as well as smallholders, persistently recorded increases by 0.5 per cent to 2.64 million persons (November 2021: 2.63 million persons). December 2021 also observed that the number of employed persons who were temporarily not working posted an addition of 12.9 per cent to 126.7 thousand persons as compared to the previous month (November 2021: 112.2 thousand persons). The increase was due to the flood disaster which hit the central and east coast regions in the middle of the month.

Commenting further on the unemployment situation in December 2021, he said, “By category of unemployment, the actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs encompassed 83.8 per cent of the total unemployed persons. This group posted a decrease of 0.9 per cent to 576.5 thousand persons (November 2021: 581.8 thousand persons). The unemployed persons for less than three months accounted for 55.9 per cent whereas those who were in long-term unemployment of more than a year were 7.6 per cent. For those who believed that there were no jobs available which was categorised as inactively unemployed, recorded a decline of 1.3 per cent to 111.1 thousand persons (November 2021: 112.6 thousand persons). Meanwhile, the youth unemployment rate for those aged 15 to 24 years was unchanged at 13.7 per cent. Nonetheless, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years continued to increase by 0.3 percentage points to 8.5 per cent as compared to 8.2 per cent recorded in November 2021.”

Elaborating on the overall performance for the fourth quarter of 2021, the Chief Statistician said, “The labour force improved gradually with an increase of 0.7 per cent quarter-on-quarter to 16.14 million persons recording higher LFPR at 68.7 per cent (Q3 2021: 68.3%). As for the employment during the quarter, the number went up by 1.1 per cent to 15.44 million persons (Q3 2021: 15.27 million persons). In the meantime, the number of unemployed persons reduced to below 700 thousand persons during this quarter, decreased by 6.9 per cent to 694.4 thousand persons (Q3 2021: 746.2 thousand persons) registering an unemployment rate of 4.3 per cent as compared to 4.7 per cent in Q3 2021.”

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The continuous operation of business activities during the quarter has led the number of persons who worked less than 30 hours per week to decrease by 15.2 per cent to 393.8 thousand persons (Q3 2021: 464.6 thousand persons). Accordingly, time-related underemployment or persons who worked less than 30 hours a week and were able and willing to work extra hours edged down by 10.1 per cent to 293.1 thousand persons, registering time-related underemployment rate of 1.9 per cent (Q3 2021: 326.2 thousand persons; 2.1%). Likewise, skill-related underemployment encompasses those with tertiary education attainment but working in semi-skilled and low-skilled occupations, reduced by 1.9 per cent to 1.84 million persons recording a skill-related underemployment rate of 37.5 per cent (Q3 2021: 1.87 million persons; 37.7%).

By looking at the unemployment situation by state, eleven states posted a fall in the unemployment rate during the quarter. The lowest unemployment rate was recorded by W.P Putrajaya (1.6%), followed by Selangor (2.9%), Melaka (3.1%), Negeri Sembilan (3.1%) and Pulau Pinang (3.2%). On the contrary, eleven states recorded an increase in LFPR indicating that more labour participation in the market. The highest LFPR was registered by W.P. Kuala Lumpur (74.7%), Selangor (74.1%), Pulau Pinang (72.1%), W.P. Putrajaya (70.9%) and Sarawak (70.5%).

Commenting on the overall performance of year 2021, he said, "In 2021, based on monthly average data, LFPR during the year rose by 0.2 percentage points to 68.6 per cent as against 68.4 per cent in year 2020. The number of employed persons registered an increase of 3.0 per cent to record 15.4 million persons (2020: 15.0 million persons). The rise in employment was due to the low-based number of employed persons in 2020. Besides, the reopening of economic and social activities towards the second half of the year also contributed to the growth in employment. Apart from this, the battle against the pandemic prolonged into the year 2021. Thus, as labour market remains in a challenging situation, the number of unemployed persons continued to increase for the second year to 741.4 thousand persons (2020: 711.0 thousand persons). Therefore, the unemployment rate climbed to 4.6 per cent in 2021 as compared to 4.5 per cent in 2020, the highest unemployment rate since year 1993 (4.1%). The final data for year 2021 will be published in April 2022."

Concluding the overall labour force situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In Malaysia, the aftermath of the pandemic caused the economic revival to be somewhat slightly hindered and it also affected the regaining of the entire labour market as its recovery is directly proportional to the performance of the economy. With all states were in Phase 4 of NRP starting January 2022 has enabled full capacity of business operation and social activities. Furthermore, the reopening of schooling sessions on 9 January 2022 is anticipated to result in more positive impact on other related activities. More travelling activities domestically and abroad were also observed during the month. These positive progresses signalled that the labour market is foreseen to continue improving in the upcoming months, but not considering the challenges of the new and more lethal variants."

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. The Department greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM officers and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Chart 1: Unemployment, Malaysia, 1982 - 2021^p




Chart 2: Unemployment, Malaysia, Q1 2018 - Q4 2021 and January 2020 - December 2021






Chart 3: Employed persons working less than 30 hours, Q1 2020 - Q4 2021




$$\text{Rate of employed persons less than 30 hours} = \frac{\text{Number of employed persons less than 30 hours}}{\text{Number of employed persons}}$$

Chart 4: Time-related underemployment, Q1 2020 - Q4 2021



$$\text{Rate of time-related underemployment} = \frac{\text{Number of time-related underemployment}}{\text{Number of employed persons}}$$

Chart 5: Skill-related underemployment, Q1 2020 - Q4 2021



$$\text{Rate of skill-related underemployment} = \frac{\text{Number of skill-related underemployment}}{\text{Number of employed persons with tertiary education}}$$

Released by:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
08 FEBRUARY 2022**